

# 'Ada kewajaran naikkan kadar tol'

Oleh Kadir Dikoh  
dan Mohd Feroz Abu Bakar

**P**UTRAJAYA: Kerajaan terpaksa menaikkan kadar tol di antara 20 hingga 60 peratus di lima lebuhraya di sekitar Lembah Klang kerana ada kewajarannya, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, kenaikan kadar tol itu juga tidak akan menjejaskan peluang Barisan Nasional (BN) untuk menang dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Batu Talam pada 28 Januari ini.

"Ada pihak yang cuba menyusahkan kerajaan selepas keputusan menaikkan tol dengan tujuan mencari undi atau membuat rakyat benci pada kerajaan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas bantahan segelintir rakyat termasuk parti pembangkang mengenai kenaikan tol itu dan sama ada isu itu akan menjejaskan peluang BN untuk me-

ngekalkan kerusi DUN Batu Talam.

Abdullah berkata, Kabinet memutuskan kenaikan tol di Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), Lebuhraya Shah Alam (Kesas), Lebuhraya Cheras-Kajang, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KL-Karak) dan Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE) mulai 1 Januari lalu, dengan sebab tertentu, bukan bertujuan menyusahkan rakyat.

Katanya, keputusan itu terpaksa

**“Ada sebabnya tol naik. Kerajaan tak buat sesuatu tanpa sebab. Ada kewajarannya kerana kerajaan bertanggungjawab”**

**Abdullah Ahmad Badawi**

Perdana Menteri

diambil kerana ada kewajarannya walaupun tindakan berkenaan tidak menyenangkan rakyat.

Beliau berkata, kerajaan cuba menguruskan negara dengan cara terbaik dan setiap tindakan yang dilaksanakan mempunyai sebab tertentu.

Abdullah berkata, kerajaan sekarang bukanlah kerajaan yang mahu mencari populariti dengan hanya mengambil tindakan yang disukai rakyat.

"Kita naik tol bukan nak seronok-seronok. Ada sebabnya tol naik. Kerajaan tak buat sesuatu tanpa sebab. Ada kewajarannya kerana kerajaan bertanggungjawab. Kita bukan kerajaan nak cari populariti. Kalau kerajaan cari populariti, apa orang nak, kita buat. Apa orang nak, kita buat.

Sementara itu, Abdullah yang juga Presiden Umno berkata, Umno Pahang belum menyerahkan kepadanya senarai tujuh bakal calon BN yang akan dipertimbang bagi kerusi DUN Batu Talam.

Katanya, beliau akan meneliti se-

narai bakal calon sebelum memuktakannya.

Mengenai penggabungan Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) dan Utusan Melayu, Abdullah berkata, cadangan balas daripada pihak berkenaan akan dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno akan datang.

Perdana Menteri berkata, cadangan itu belum dibatalkan kerana perbincangan masih diadakan di antara pihak terbabit.

"MT Umno belum membuat apa-apa keputusan kerana ini membatalkan Utusan (Melayu). Jadi, waktu ini tiada tindakan dilaksanakan untuk penggabungan. Kita telah pun memberi pandangan kepada pihak yang mencadangkan untuk menggabungkan Utusan, NST, Berita Harian di bawah satu entiti iaitu Media Prima.

"Kita dah bincang dengan begitu halus dan meluas. Dengan itu, kita akan tunggu apakah cadangan balas yang diberikan oleh pihak mereka," katanya.